



KOHESI DAN KOHEREN DALAM LIRIK LAGU PERANCIS

Oleh

SARAH BALQIS BINTI ZAIN AZMAN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Jun 2022

FBMK 2022 54

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
Sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

KOHESI DAN KOHEREN DALAM LIRIK LAGU PERANCIS

Oleh

SARAH BALQIS BINTI ZAIN AZMAN

Jun 2022

Pengerusi : Prof. Madya Hazlina Binti Abdul Halim, PhD
Fakulti : Bahasa Moden Dan Komunikasi

Lagu merupakan satu karya seni bagi penciptanya untuk menyampaikan mesej kepada pendengar melalui irama dan lirik. Kepaduan dalam sebuah wacana terutama dalam lirik sebuah lagu memberikan gambaran tentang apa yang ingin disampaikan penulis lagu. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kohesi serta menganalisis koheren dalam lirik lagu Perancis terpilih. Reka bentuk kajian ini bersifat campuran iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif dengan mengaplikasikan dua teori iaitu Teori Kohesi Halliday dan Hasan (1976) dan Teori Harimurti Kridalaksana (1978) bagi analisis hubungan koheren. Selain itu, sebanyak 50 buah lagu Perancis terpilih dijadikan sebagai sampel kajian. Kaedah pemilihan lagu-lagu ini berdasarkan single yang mencapai kedudukan tertinggi dalam penjualan rekod di Perancis daripada tahun 1970-an sehingga tahun 2010-an. Analisis kohesi dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu kohesi gramatikal dan kohesi leksikal. Kohesi gramatikal terdiri daripada rujukan, penggantian, elipsis dan konjungsi. Seterusnya, kohesi leksikal pula dibahagikan kepada reterasi dan kolokasi. Manakala, hubungan koheren pula dianalisis berdasarkan 15 jenis hubungan koheren yang dikemukakan oleh Teori Harimurti Kridalaksana (1978). Hasil daripada kajian ini menunjukkan penggunaan kohesi gramatikal mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 2978 data iaitu rujukan memperoleh 1876 data, penggantian 14 data, elipsis hanya mencatat tiga data sahaja dan konjungsi berjumlah 672 data. Manakala, kohesi leksikal pula mencatatkan jumlah keseluruhan sebanyak 838 data iaitu reterasi yang mengandungi kata yang sama 754 data, sinonim tiga data, superordinat sebanyak sembilan data dan kolokasi berjumlah 72 data. Sementara itu, jenis hubungan koheren yang ditemukan dalam lagu-lagu ini adalah sebanyak sembilan jenis sahaja yakni hubungan sebab-hasil, sebab-tujuan, latar-kesimpulan, parafrasis, amplikatif, aditif waktu, identifikasi, generik-spesifik dan ibarat. Bagi hubungan sebab-akibat, alasan-sebab, kelonggaran-hasil, syarat-hasil, perbandingan dan aditif non-waktu tidak ditemui dalam lagu-lagu ini. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada penulis lirik dan penyelidik serta diharapkan supaya kajian akan datang dapat menerokai dua ciri keutuhan wacana ini kepada kaedah kualitatif bagi lagu-lagu bahasa yang lain.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
Fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

COHESION AND COHERENCE IN FRENCH SONG LYRICS

By

SARAH BALQIS BINTI ZAIN AZMAN

June 2022

Chairman : Assoc. Prof Hazlina Binti Abdul Halim, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Songs are a work of art for its creator to convey a message to the listener through rhythm and lyrics. Cohesion in a discourse, especially in the lyrics of a song, gives an idea of what the songwriter wants to convey. Thus, this study aims to identify the cohesion and to analyze the coherence in the lyrics of selected French songs. The design of this study is a mixed, which is consist of qualitative and quantitative method by applying two theories, namely Halliday and Hasan's Theory of Cohesion (1976) and Harimurti Kridalaksana's Theory (1978) for the analysis of coherent relationships. In addition, a total of 50 selected French songs were used as the study sample. The method of selection of these songs is based on the singles that achieved the highest position in record sales in France from the 1970s to the 2010s. The cohesion analysis in this study is divided into two parts, namely grammatical cohesion and lexical cohesion. Grammatical cohesion consists of references, substitutions, ellipsis and conjunctions. Next, lexical cohesion is divided into reiteration and collocation. Meanwhile, coherent relationships were analyzed based on 15 types of coherent relationships presented by Harimurti Kridalaksana Theory (1978). The results of this study showed that the use of grammatical cohesion recorded the highest number of 2978 data, namely the reference obtained 1876 data, substitutions of 14 data, ellipsis recorded only three data and conjunctions totaled 672 data. Meanwhile, lexical cohesion recorded a total of 838 data, namely reiteration containing the same word 754 data, synonyms of three data, superordinate of nine data and collocation of 72 data. Meanwhile, the types of coherent relationships found in these songs are only nine types, namely cause-result relationship, cause-purpose, background-conclusion, paraphrase, amplificative, time additive, identification, generic-specific and analogy. For cause-and-effect relationships, reasons-causes, flexibility-results, conditions-results, comparison and non-time additives are not found in these songs. Therefore, this study is expected to benefit lyricists and researchers and it is hoped that future studies can exploring two features of the integrity of this discourse to a qualitative method for other language songs.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t atas limpah dan kurnia serta rahmat-Nya atas peluang yang diberikan kepada diri yang kerdil ini untuk menyambung pengajian ke peringkat Master Sastera.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu saya, Hasniza binti Hassan Shaari dan ayah, Zain Azman bin Ismail atas sokongan dan doa kalian sepanjang anak mu ini mengharungi perjalanan Master yang penuh cabaran. Kepada adik-adik saya, Danish, Fandi dan Dani, terima kasih kerana selalu menghiburkan hati kakak mu ini.

Selain itu, di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Hazlina Abdul Halim atas sokongan, bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar beliau yang tidak terhingga sepanjang menyiapkan penulisan tesis ini. Juga, tidak lupa kepada Profesor Madya Dr. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Dr. Hamid Omar, saya ucapkan ribuan terima kasih atas bantuan dan sokongan yang telah diberikan sepanjang pengajian Master ini.

Di samping itu, tidak juga dilupakan kepada sahabat-sahabat saya, Nurul Atirah Mohd Taha, Amirah Syazwani Roslan dan lain-lain yang turut sama mengikuti pengajian Master di Universiti Putra Malaysia, terima kasih atas segala sokongan dan galakan kalian.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menyiapkan penyelidikan saya dengan sempurna. Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas kebaikan kalian.

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Sarah Balqis Zain Azman

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012- 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Hazlina Abdul Halim

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Hamid Omar

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	8
1.8 Definisi Operasional	8
1.9 Kesimpulan	9
2 SOROTAN KAJIAN	10
2.1 Pengenalan	10
2.2 Kajian Mengenai Ilmu Wacana	10
2.2.1 Kajian Pengkaji Barat	10
2.2.2 Kajian Pengkaji Asia	12
2.2.3 Kajian Pengkaji Tempatan	12
2.3 Kajian Mengenai Kohesi dan Koheren	14
2.3.1 Kajian Pengkaji Barat	14
2.3.2 Kajian Pengkaji Asia	16
2.3.3 Kajian Pengkaji Tempatan	20
2.4 Kajian Kohesi dan Koheren Terhadap Lagu	22
2.4.1 Kajian Pengkaji Asia	22
2.4.2 Kajian Pengkaji Tempatan	26
2.5 Kesimpulan	26
3 METODOLOGI KAJIAN	27
3.1 Pengenalan	27
3.2 Reka Bentuk Kajian	27
3.3 Metodologi Kajian	27
3.3.1 Sampel Kajian	27
3.3.2 Rujukan Internet/Laman Sesawang	28
3.3.3 Kajian Kepustakaan	28
3.4 Kerangka Teori	28
3.4.1 Kohesi Gramatikal	29
3.4.1.1 Kohesi Gramatikal Rujukan	29

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Hazlina Abdul Halim, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Hamid Omar, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 November 2022

3.4.1.2	Kohesi Gramatikal Penggantian	30
3.4.1.3	Kohesi Gramatikal Elipsis	30
3.4.1.4	Kohesi Gramatikal Konjungsi	31
3.4.2	Kohesi Leksikal	31
3.4.2.1	Reiterasi	31
3.4.2.2	Kolokasi	32
3.4.3	Koheren	32
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	38
3.6	Penganalisan Data	38
3.6.1	Penentuan Jenis Kohesi Dalam Lirik Lagu Perancis Terpilih	38
3.6.2	Analisis Penggunaan Hubungan Koheren	39
3.6.3	Penterjemahan dan Pengekodaan Dapatan Lirik Lagu Perancis	39
3.7	Kesimpulan	40
4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	41
4.1	Pengenalan	41
4.2	Dapatan dan Perbincangan	41
4.2.1	Objektif 1: Untuk Mengenal Pasti dan Mengelaskan Jenis Kohesi Dalam Lirik Lagu Perancis Dengan Menggunakan Teori Halliday dan Hasan (1976)	41
4.2.2	Objektif 2: Menganalisis Hubungan Koheren Yang Terdapat Dalam Lirik Lagu Perancis Dengan Mengaplikasikan Teori Harimurti Kridalaksana (1978)	65
4.3	Kesimpulan	78
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	79
5.1	Pengenalan	79
5.2	Rumusan Kajian	79
5.3	Implikasi Kajian	80
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	80
5.5	Penutup	80
	BIBLIOGRAFI	81
	LAMPIRAN	88
	BIODATA PELAJAR	93
	SENARAI TERBITAN	94

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.4.3 (a)	Jenis Hubungan Koheren	33
3.6.3 (a)	Sistem Pengkodan Yang Digunakan	39
4.2.1.1.1 (i)	Kekerapan Rujukan Personal dalam Lirik Lagu Perancis Terpilih	44
4.2.1.1.1 (ii)	Contoh Rujukan Personal KGND dalam Lirik Lagu <i>Je l'aime à Mourir & Dingue Dingue Dingue</i>	44
4.2.1.1.1 (iii)	Kekerapan Rujukan Demonstratif dalam Lirik Lagu Perancis Terpilih	46
4.2.1.1.1 (iv)	Contoh Rujukan KGN Demonstratif dalam Lirik Lagu <i>La Danse des Canards & Ma Philosophie</i>	47
4.2.1.1.1 (v)	Kekerapan Rujukan Komparatif dalam Lirik Lagu Perancis Terpilih	48
4.2.1.1.1 (vi)	Rujukan Komparatif dalam Lirik Lagu Noël 70	49
4.2.1.1.2 (vii)	Kekerapan Kohesi Penggantian dalam Lirik Lagu Perancis Terpilih	49
4.2.1.1.2 (viii)	Kohesi Penggantian dalam Lirik Lagu <i>Ma Philosophie & Celui...</i>	50
4.2.1.1.3 (ix)	Kekerapan Kohesi Elipsis	52
4.2.1.1.3 (x)	Kohesi Elipsis dalam Lirik Lagu <i>Laisse-moi Vivre Ma Vie & Vis Ta Vie</i>	52
4.2.1.1.4 (xi)	Kekerapan Kohesi Konjungsi dalam Lirik Lagu Perancis Terpilih	54
4.2.1.1.4 (xii)	Contoh Kohesi Konjungsi Aditif dalam Lirik Lagu Noël 70	55
4.2.1.1.4 (xiii)	Kohesi Konjungsi Adversatif dalam Lirik Lagu <i>Ma Philosophie</i>	56
4.2.1.1.5 (xiv)	Kohesi Konjungsi Kausal dalam Lirik Lagu <i>Voici Les Clés & Il y a Trop de Gens Qui T'aiment</i>	57
4.2.1.1.6 (xv)	Kohesi Konjungsi Temporal dalam Lirik Lagu <i>Pour</i>	58

Toi Armenie & Avenir

4.2.1.1.7 (xvi)	Kekerapan Kohesi Leksikal Reiterasi Bagi Lirik Lagu Perancis Terpilih	61
4.2.1.1.7 (xvii)	Contoh Pengulangan Dalam Lirik Lagu <i>Le France</i>	62
4.2.1.1.7 (xviii)	Contoh Sinonim Dalam Lirik Lagu <i>La Danse des Canards</i>	62
4.2.1.1.7 (xix)	Contoh Superordinat Dalam Lirik Lagu <i>Le Rital</i>	63
4.2.1.1.7 (xx)	Kekerapan Kohesi Leksikal Kolokasi Dalam Lirik Lagu Perancis Terpilih	64
4.2.1.1.7 (xxi)	Contoh Kolokasi Dalam Lirik Lagu <i>Dur Dur d'être Bébé & Hélène</i>	64
4.2.2.1 (i)	Kekerapan Hubungan Koheren Dalam Lirik Lagu Perancis	66
4.2.2.1.1 (ii)	Contoh Sebab dan Hasil Dalam Lirik Lagu <i>L'avventura</i>	66
4.2.2.1.2 (iii)	Contoh Sebab dan Tujuan Dalam Lirik Lagu <i>Pour Que Tu M'aimes Encore</i>	67
4.2.2.1.3 (iv)	Contoh Latar dan Kesimpulan Dalam Lirik Lagu <i>Il y a Trop des Gens Qui T'aiment</i>	68
4.2.2.1.3 (v)	Contoh Latar dan Kesimpulan Dalam Lirik Lagu <i>J'Voulais</i>	69
4.2.2.1.3 (vi)	Contoh Latar dan Kesimpulan Dalam Lirik Lagu <i>Dingue Dingue Dingue</i>	69
4.2.2.1.4 (vii)	Contoh Parafrasis Dalam Lirik Lagu <i>Hélène</i>	70
4.2.2.1.4 (viii)	Contoh Parafrasis Dalam Lirik Lagu <i>L'Orange</i>	71
4.2.2.1.5 (ix)	Contoh Amplikatif Dalam Lirik Lagu <i>Le France</i>	72
4.2.2.1.5 (x)	Contoh Amplikatif Dalam Lirik Lagu <i>Pour Que Tu M'aimes Encore</i>	72
4.2.2.1.5 (xi)	Contoh Amplikatif Dalam Lirik Lagu <i>Adieu Jolie Candy</i>	73

4.2.2.1.6 (xii)	Contoh Aditif Waktu Dalam Lirik Lagu <i>Les Divorces</i>	74
4.2.2.1.7 (xiii)	Contoh Dapatan Identifikasi Dalam Lirik Lagu <i>Adieu Jolie Candy</i>	75
4.2.2.1.8 (xiv)	Contoh Generik & Spesifik Dalam Lirik Lagu <i>Le Rital</i>	75
4.2.2.1.9 (xv)	Contoh Ibarat Dalam Lirik Lagu Vanina	77



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
3.4.3 (a)	Teori Kohesi Halliday dan Hasan (1976)	35
3.4.3 (b)	Teori Harimurti Kridalaksana (1978)	36
3.4.3 (c)	Kerangka Konseptual	37
4.2.1.1	Kohesi Dalam Lirik Lagu Perancis Terpilih	42
4.2.1.1.1 (A)	Dapatan Alat Kohesi Gramatikal Berdasarkan Era	42
4.2.1.1.7 (B)	Dapatan Alat Kohesi Leksikal Berdasarkan Era	60

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
BC	Bahasa Cina
Bta	Bahasa Tamil
BI	Bahasa Inggeris
BP	Bahasa Perancis
BS	Bahasa Sepanyol
BKor	Bahasa Korea
BA	Bahasa Arab
BJ	Bahasa Jepun
BThai	Bahasa Thailand
KGND	Kata Ganti Nama Diri
KSP	Kata Sifat Posesif
KGNDMM	Kata Ganti Nama Diri Milik
DAj	Adjektif Demonstratif
KGNDe	Kata Ganti Nama Demonstratif

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini berkisar tentang kohesi dan koheren dalam lirik lagu Perancis terpilih dengan memberi penekanan terhadap kefahaman pembaca mengenai konsep kohesi dan koheren dalam lirik lagu. Oleh itu, dalam Bab 1 ini pengkaji akan melaksanakan bahagian latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian, kepentingan, batasan serta definisi operasional berdasarkan kajian yang akan dilakukan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa memainkan peranan besar dalam kehidupan manusia terutama untuk tujuan komunikasi (Henry Guntur Tarigan, 1986). Kewujudan bahasa dapat membentuk hubungan sosial antara masyarakat untuk berkongsi ilmu, idea fikiran, meluahkan perasaan, emosi dan sebagainya. Dalam meniti arus kemodenan ini, penguasaan lebih daripada dua bahasa yakni bahasa ketiga kian menjadi perhatian masyarakat dunia. Hal ini disebabkan masyarakat mula mengetahui kelebihan dalam menguasai bahasa ketiga antaranya dapat membantu mengeratkan hubungan diplomatik, mengenali sesebuah budaya dan adat resam serta idea-idea baharu masyarakat lain.

Di Malaysia, majoriti daripada penuturnya menggunakan bahasa Melayu (BM), bahasa Cina (BC) dan bahasa Tamil (BTa) sebagai bahasa pertama serta bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa kedua. Dalam pada itu, bahasa ketiga yang mula menjadi tarikan kepada penutur di Malaysia untuk mempelajarinya ialah bahasa Perancis (BP), Sepanyol (BS), Korea (BKor), Arab (BA), Jepun (BJ), Thai (BThai) dan lain-lain lagi. Jika diteliti dengan lebih mendalam, mempelajari bahasa baharu dapat membuka peluang kepada penutur khususnya pelajar untuk meneroka ilmu kebahasaan dengan lebih terperinci dan secara tidak langsung dapat menyumbang ilmu dalam bidang linguistik terutama penyelidikan wacana.

Wacana merupakan ilmu linguistik yang dilihat sebagai kesatuan bahasa yang teratur, mengandungi permulaan dan pengakhiran yang jelas, mempunyai kohesi dan koheren yang baik, saling berkesinambungan serta dapat disampaikan secara lisan mahupun tulisan (Henry Guntur Tarigan, 1987: 27). Menurut Radiman Junaidi (2012), wacana yang wujud dalam sistem bahasa memaparkan kesepaduan dan keupayaan sesuatu bahasa dalam budaya dan masyarakat. Dengan kata lain, wacana juga digambari sebagai medium komunikasi yang kukuh untuk menghasilkan kesatuan makna (Asmah Omar, 2009).

Di samping itu, penyelidikan wacana pada asalnya dicetuskan oleh cendekiawan Barat dan sejak mutakhir ini kajian wacana mula berkembang pesat dalam kalangan pengkaji tempatan. Hal ini berlaku disebabkan para pengkaji tempatan mula melihat keupayaan wacana dalam memaparkan sifat makna dalam kalangan manusia, terutama dalam kehidupan seharian (Radiman Junaidi, 2012). Selain itu, wacana yang utuh penting untuk memastikan pembaca dapat memahami makna yang ingin disampaikan. Misalnya, kepentingan wacana dapat dilihat apabila para pemimpin dunia menyampaikan wacana mereka bagi menjayakan agenda, para peniaga yang menggunakan wacana iklan sebagai teknik promosi produk, golongan pencipta lagu yang menghasilkan wacana lirik lagu untuk menyampaikan mesej kepada pendengar dan sebagainya.

Keutuhan wacana perlu mempunyai matlamat, kohesi, koheren, penerimaan, maklumat, keadaan dan intertekstualiti (Beaugrande dan Dressler, 1981). Dalam kajian ini, keutuhan wacana dapat ditonjolkan dalam kohesi dan koheren dalam wacana lirik lagu Perancis. Menurut Nurmasitah Mat Hassan dan Jama'yah Zakaria (2015), kohesi adalah tautan ayat dalam sesuatu perenggan. Maksudnya di sini maklumat yang ditulis mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Hal ini bertepatan dengan pandangan Halliday dan Hasan (1976) yang menyatakan kohesi merupakan hubungan makna yang terkandung di dalam sesebuah wacana.

Tambahan lagi, Halliday dan Hasan (1976:4-6) menyatakan kohesi ialah sifat linguistik yang membantu menghubungkan satu urutan ayat sehingga menghasilkan sesuatu teks yang mantap. Kohesi antara ayat dapat dibahagikan kepada kohesi gramatikal dan kohesi leksikal. Juga, Halliday dan Hasan (1976) menyatakan kohesi gramatikal mempunyai empat pembahagian kecil iaitu rujukan, penggantian, kata hubung (konjungsi) dan pengguguran (elipsis).

Kohesi gramatikal rujukan adalah perkataan atau frasa tertentu yang merujuk kepada perkataan atau frasa yang lain (Aifa Izzati Azman *et al.*, 2019). Juga terdapat pembahagian yang lebih kecil iaitu rujukan kata ganti nama, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan (Nurmasitah Mat Hasan, 2016).

Seterusnya, kohesi gramatikal penggantian melibatkan penggantian perkataan dengan perkataan yang lain (Yayat Sudaryat, 2008). Misalnya, '[Dani] pergi ke kedai buku. [Dia] pergi dengan menaiki kereta'. Kohesi penggantian berlaku dalam ayat ini apabila kata 'Dani' digantikan dengan kata 'Dia' dengan mengekalkan makna ayat.

Kohesi gramatikal pengguguran pula berlaku proses pengguguran kata, frasa, klausa atau kalimat yang dinyatakan dalam ayat-ayat sebelumnya (Aifa Izzati *et al.*, 2019). Contoh di bawah menunjukkan salah satu contoh ayat yang menggunakan kohesi gramatikal pengguguran.

Ali: [Awak rasa *kucing itu hidup lagi*?]

Umar : Saya harap [*begitu*].

Merujuk kepada contoh di atas, frasa *kucing itu hidup lagi* tidak diulang dalam ayat yang kedua dan digantikan dengan kata *begitu*. Namun begitu, ayat ini masih boleh difahami maknanya walaupun tidak menggunakan frasa yang sama dengan ayat yang pertama.

Manakala, kohesi gramatikal penghubung melibatkan perhubungan antara perkataan lain dengan perkataan lain dalam wacana seperti konjungsi ‘dan’ yang berfungsi menyambungkan kata dengan kata, frasa dengan frasa, klausa dengan klausa, ayat dengan ayat dan seterusnya (Harimurti Kridalaksana, 1978).

Tambahan lagi, kohesi leksikal mempunyai kaitan dengan semantik yang memfokuskan kepada hubungan makna antara unsur dalam teks serta menyatukan dua ayat dalam sebuah wacana (Halliday dan Hasan, 1976). Menurut Halliday dan Hasan (1976) lagi, kohesi leksikal terbahagi kepada dua iaitu reterasi dan kolokasi. Kohesi leksikal reterasi terjadi melalui tiga cara iaitu kata yang sama, sinonim dan superordinat.

Kohesi leksikal kolokasi merupakan pengulangan perkataan yang kehadirannya saling berkait atau berlawanan (Halliday dan Hasan, 1976). Contohnya, kohesi leksikal kolokasi yang berkait ialah ‘ayam-reban’, ‘Melayu-Islam’, dan ‘laut-ikan’. Contoh bagi kolokasi berlawanan pula ialah ‘kaya-miskin’, ‘tua-muda’ dan ‘lapang-sempit’.

Harimurti Kridalaksana (1978) mentakrifkan koheren sebagai kesinambungan idea dalam wacana yang digelar sebagai semantik yang membentuk kesatuan makna yang utuh. Koheren merupakan kemahiran yang diperlukan dalam sesuatu penulisan. Kewujudan koheren dalam penulisan dapat memastikan bahawa segala maklumat yang ditulis mampu difahami dengan jelas oleh pembaca tanpa sebarang kekaburan (Wikborg, 1990). Rentetan daripada itu, koheren ini amat berkait rapat dengan kohesi kerana dua ciri ini saling memerlukan untuk menentukan keutuhan sesuatu wacana. Lazimnya, jika dalam penulisan mengandungi kohesi antara satu sama lain maka ia membantu untuk mewujudkan koheren dalam penulisan tersebut (Widdowson, 2007).

Lantaran itu, didapati pengkaji luar atau tempatan turut giat menjalankan kajian berkaitan kohesi dan koheren. Rata-rata kajian banyak melibatkan karangan pelajar, karya sastera, lirik lagu dan sebagainya. Ini bermakna para pengkaji cenderung untuk menganalisis kohesi dan koheren dalam skop yang pelbagai bagi melihat keutuhan wacana.

Peranan kohesi dan koheren sebagai unsur keutuhan wacana dapat dikaitkan dengan lirik lagu Perancis yang merupakan fokus kajian ini. Lirik terhasil daripada gubahan bahasa yang mengandungi banyak makna dan dibawakan dalam sebuah lagu. Kenyataan tersebut sejajar dengan pendapat yang dikemukakan oleh Arbai'e Sujud (1999), menurutnya lirik berfungsi untuk menyampaikan idea dan pemikiran dalam bentuk sebuah lagu dengan menyentuh kehidupan masyarakat. Tambahan lagi, lirik penting dalam menyampaikan fungsi wacana (Shahnon Ahmad, 1991). Hal ini menggambarkan bahawa majoriti penghasilan lirik lagu oleh pencipta lagu penuh dengan lirik yang mengandungi mesej untuk disampaikan kepada pendengar.

Selain daripada lagu Melayu dan Inggeris, lagu Perancis turut menjadi perhatian rakyat di Malaysia. Hal ini disebabkan lagu Perancis mula tular di aplikasi media sosial seperti TikTok dan Instagram. Aplikasi tersebut membenarkan pengguna untuk mencipta video pendek yang merangkumi video tarian, *lip-sync* (gerak bibir), video komedi dan sebagainya. Justeru, pengkaji mendapati pengguna media sosial banyak memainkan lagu Perancis sebagai latar belakang muzik video mereka sehingga pada masa yang sama membuatkan lagu Perancis menjadi terus dikenali.

Fenomena ini telah mendorong pengkaji untuk menjalankan penyelidikan terhadap lagu Bahasa Perancis kerana ia merupakan bahasa asing kedua terbesar digunakan selepas Bahasa Inggeris dan juga dikenali sebagai bahasa cinta yang indah, kaya dan merdu (*Ministry of Europe and Foreign Affairs*, 2021). Selain itu, lagu Perancis mempunyai keunikan tersendiri terutama dari segi penghasilan melodi lirik, irama dan susunan baris lirik yang indah (Chunli, 2016). Dengan erti kata lain, lagu Perancis merupakan produk budaya masyarakat Perancis yang mengandungi mesej-mesej kehidupan harian mereka (Joesana Tjahjani, 2004). Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat memberi pengetahuan dan kefahaman kepada pembaca atau pendengar terhadap kohesi dan koheren yang terdapat dalam lirik lagu Perancis.

1.3 Penyataan Masalah

Secara umumnya, wacana melalui lirik merupakan platform bagi pencipta lagu untuk menyampaikan mesej atau meluahkan isi hatinya kepada pendengar melalui lagu. Selain itu, penghasilan lirik yang mengandungi nilai estetika, kohesi dan koheren yang jelas dapat menonjolkan identiti seseorang penulis lirik lagu serta memberi kepuasan kepada para pendengar. Betapa ruginya andai sesebuah lagu itu merdu iramanya tetapi liriknya kabur serta runtutan idea tersangkut-sangkut dan tiada kesatuan makna (Arbai'e Sujud, 1999).

Pada penelitian pengkaji, kajian-kajian lepas daripada tahun 2017 sehingga 2021 jarang memfokuskan lagu Perancis dari perspektif linguistik khususnya kohesi dan koheren. Sebaliknya, kajian lagu Perancis pada tahun-tahun tersebut lebih banyak dipraktikkan dalam bidang pedagogi. Hal ini dapat dilihat dalam kajian Benmedjahed (2018) dan Wang (2019) yang menyatakan penggunaan lagu Perancis di dalam kelas dapat menghasilkan kesan yang positif kepada pelajar terutamanya dalam meningkatkan kemahiran menulis dan lisan pelajar yang mempelajari Bahasa Perancis sebagai bahasa asing. Hal ini menunjukkan fokus para pengkaji ini lebih mengutamakan kebolehan para pelajar mereka untuk menggunakan Bahasa Perancis dalam bentuk lisan dan tulisan, bukannya melihat kepada bidang linguistik khususnya kohesi dan koheren secara mendalam.

Selain itu, wujud juga kajian yang berkaitan kohesi dan koheren terhadap Bahasa Perancis tetapi lebih menjurus kepada teknik kemahiran menulis. Sebagai contoh, dalam kajian Veda Aslim Yetiş (2017) telah mengkaji peranan proses penyusunan dan pengetahuan kohesi dan koheren dalam kemahiran menulis karangan bahasa Perancis terhadap 35 orang pelajar Turki. Hasil menunjukkan para pelajar yang mempunyai pengetahuan mengenai kohesi dan koheren dapat menulis karangan dengan baik serta mahir dalam mengarang cerita. Namun, ini tidak menjanjikan bahawa penulisan pelajar tersebut lebih berkohesi dan berkoheren dalam penulisan lirik lagu Perancis kerana ia memerlukan penggunaan gaya bahasa yang ada nilai keindahan yang tinggi agar dapat memberikan kepuasan dan kefahaman kepada pendengar.

Selain itu, kebanyakan kajian wacana terdahulu kurang mengamati koheren dalam kajian. Kajian tersebut banyak menjurus kepada kohesi terutama dalam karya sastera seperti puisi, syair, pantun, cerpen dan novel. Misalnya, kajian Sitti Mariati S (2018) memaparkan aspek kohesi gramatikal dan leksikal terhadap puisi “Papua” karya Frans P. Pandoni. Beliau membuktikan kewujudan kohesi gramatikal iaitu rujukan dan konjungsi serta leksikal seperti repetisi, sinonim dan antonim telah menjadikan puisi tersebut mempunyai kesatuan makna yang utuh serta mampu untuk menyampaikan mesej kepada pembaca tentang keindahan tanah Papua yakni tempat kelahiran penulis puisi tersebut.

Manakala, kajian Alber dan Sri Rahayu (2017) pula menunjukkan kohesi teks syair dalam Tunjuk Ajar Melayu karya Tenas Effendy. Berikutan daripada kajian ini, terdapat kehadiran kohesi gramatikal seperti rujukan, konjungsi dan penggantian serta leksikal yang merangkumi sinonim, antonim dan pengulangan dalam teks syair tersebut. Hal yang demikian, dapat membantu pembaca untuk memahami maksud teks syair yang ingin disampaikan oleh penulis.

Di samping itu, kajian lepas yang melibatkan koheren sahaja dapat dilihat dalam kajian “Analisis Koherensi Pada Novel Guru Aini Karya Andrea Hirata” oleh Dhevi Septi Silvia *et al.* (2020). Dapatan menunjukkan berlaku kepaduan wacana dalam karya novel tersebut kerana wujudnya koheren seperti hubungan pertentangan, generik-spesifik, perbandingan, sebab-akibat, tujuan dan rujukan.

Namun begitu, kajian Sitti Mariati S (2018), Alber dan Sri Rahayu (2017) serta Dhevi Septi Silvia *et al.*, (2020) membuktikan ketidakseimbangan dalam kajian analisis wacana. Kajian wacana sewajarnya dilaksanakan terhadap dua aspek iaitu kohesi dan koheren untuk memperlihatkan variasi pengolahan dan hasil dapatan kajian.

Seperkara lagi, kajian-kajian yang lepas seperti “Aspek gramatikal dan aspek leksikal pada lirik lagu ‘*Jangan Rubah Takdirku*’ karya Andmesh Kamelang” oleh Goziah *et al.*, (2020) serta “*A Study of Lexical Cohesion In The Lyrics of Demi Lovato’s Songs In ‘Tell Me You Love Me’ Album*” oleh Moh Kavin Lidinillah dan Sri Rahayu Meinawati (2021) telah memperlihatkan analisis wacana lirik lagu masih samar dan tidak menyeluruh. Hal ini disebabkan kajian-kajian lepas berkaitan lirik lagu lebih tertumpu kepada kohesi berbanding koheren. Juga, hasil daripada penelitian dan pembacaan pengkaji majoriti lagu yang dianalisis lebih terbatas kepada lagu Inggeris dan Indonesia. Sebagai contoh, dapatan kajian yang diperoleh Goziah *et al.* (2020) menunjukkan kehadiran kohesi gramatikal seperti rujukan dan elipsis manakala kohesi leksikal hanya terdapat repetisi dan sinonim. Bagi kajian Moh Kavin Lidinillah dan Sri Rahayu Meinawati (2021) pula hanya memaparkan lirik lagu yang mengandungi kohesi leksikal sahaja yang melibatkan repetisi, sinonim, kata umum manakala superordinat tidak terdapat di dalam lagu tersebut.

Di Malaysia pula, kajian terhadap lirik lagu dari segi aspek linguistik masih belum meluas dikaji bahkan majoriti kajian lebih kearah kritikan-kritikan terhadap lagu (Masitah Mad Daud *et al.*, 2017). Misalnya, kajian kritikan oleh Norhafidah Ibrahim *et al.* (2017) menjelaskan aspek kritikan sosial terhadap lirik lagu dikir barat nyanyian Halim Yazid dan Cikgu Naim. Hasil penelitian mendapati lirik lagu dikir barat ini telah menerapkan unsur sindiran, nasihat dan teguran kepada individu dan masyarakat dalam sesuatu tindakan mereka.

Oleh itu, berdasarkan jurang kajian-kajian terdahulu telah mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian lanjutan bagi kohesi dan koheren terhadap lirik lagu Perancis. Hal ini disebabkan Bahasa Perancis dikenali sebagai bahasa cinta yang indah, kaya dan merdu (Ministry of Europe and Foreign Affairs, 2021). Lagu Perancis bukan sahaja unik dari segi melodi lirik, irama yang merdu dan penyusunan lirik yang indah malah mengandungi sifat bahasa yang romantik berbanding lagu bahasa yang lain (Chunli, 2016).

1.4 Persoalan Kajian

- 1) Apakah jenis kohesi yang terkandung dalam lirik lagu Perancis terpilih dengan menggunakan Teori Halliday dan Hasan (1976)?
- 2) Bagaimanakah hubungan koheren yang terdapat dalam lirik lagu Perancis dengan mengaplikasikan Teori Harimurti Kridalaksana (1978)?

1.5 Objektif Kajian

- 1) Mengetahui dan mengenalpasti jenis kohesi yang terkandung dalam lirik lagu Perancis terpilih dengan menggunakan Teori Halliday dan Hasan (1976).
- 2) Menganalisis hubungan koheren yang terdapat dalam lirik lagu Perancis dengan mengaplikasikan Teori Harimurti Kridalaksana (1978).

1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilakukan pasti ada kepentingannya yang tersendiri. Antaranya kepada penulis lirik lagu. Sebagai penulis lirik, sudah pasti ingin menjadikan lagunya sebagai ikutan dan disukai oleh semua pendengar. Penggunaan bahasa dalam sesuatu teks atau lirik mencerminkan idea atau fikiran penulis lirik, maka adalah penting untuk menguasai kemahiran kohesi dan koheren agar dapat melahirkan sesuatu lirik yang utuh serta membawa makna. Penghasilan lirik lagu yang berkualiti dan bermakna dapat menarik minat pendengar untuk lebih menghayatinya.

Kedua, kajian ini penting untuk masyarakat atau pendengar yang meminati lagu-lagu Perancis. Hal yang demikian kerana lagu Perancis ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri terutama dari segi lisan, tulisan dan makna. Dengan kata lain, lagu-lagu daripada negara penghasil keju ini secara tidak langsung dapat membina pemikiran masyarakat melalui penggunaan bahasa dengan pemilihan kalimat yang baik serta kohesi dan koheren yang berkesinambungan.

Kajian ini juga penting kepada golongan pencinta bahasa iaitu orang yang meminati seni bahasa. Minat yang mendalam terhadap sesuatu bahasa dapat mendorong golongan ini untuk mempelajari dan menguasai sesuatu bahasa yang baru. Secara tidak langsung juga dapat memberi pendedahan kepada pencinta bahasa untuk memahami konsep wacana dalam lagu khususnya aspek kohesi dan koheren.

Akhir sekali, kajian ini juga memberi kepentingan kepada ahli linguistik iaitu individu yang mengkaji atau mengajarkan linguistik. Hal ini dikatakan demikian kerana ahli linguistik merupakan individu yang pakar dalam bidang ilmu bahasa seperti ilmu tatabahasa, wacana, pragmatik, semiotik dan sebagainya. Maka, dengan kajian seperti ini dapat menarik perhatian ahli linguistik untuk melakukan kajian lanjutan terhadap wacana lagu dengan lebih terperinci serta sedikit sebanyak dapat dijadikan sebagai rujukan pada masa akan datang.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada lagu Perancis sahaja dan sebanyak 50 buah lagu Perancis akan dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan lagu-lagu ini juga dibataskan kepada lima era sahaja, iaitu 1970-an, 1980-an, 1990-an, 2000-an dan 2010-an. Hal yang demikian kerana dalam tempoh lima tahun tersebut berlakunya perkembangan industri lagu di Perancis serta persaingan antara pengeluar-pengeluar album. Tambahan lagi, kajian ini hanya akan menggunakan dua teori iaitu Teori Halliday dan Hasan (1976) bagi mengenal pasti kohesi dan Teori Harimurti Kridalaksana (1978) bagi menganalisis koheren. Pemilihan lagu juga hanya berdasarkan 10 buah lagu setiap era di mana pemilihan lagu-lagu ini berdasarkan *single* yang mencapai kedudukan nombor satu dalam penjualan rekod di Perancis mengikut minggu bagi tahun-tahun tersebut.

1.8 Definisi Operasional

Wacana

Menurut Asmah Omar (1980), wacana merujuk kepada unit bahasa melebihi batasan ayat yang boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraiian, bab, buku, siri buku, dan sebagainya yang memaparkan kesatuan dan hubungan antara idea dan pemikiran. Dengan kata lain, wacana juga merupakan kesatuan bahasa yang sempurna, mempunyai kohesi dan koheren yang baik, berkesinambungan dan dapat disampaikan sama ada secara lisan atau bertulis (Henry Guntur Tarigan, 1987: 27). Dalam kajian ini, wacana merujuk kepada lirik lagu Perancis.

Kohesi

Kohesi adalah susunan ayat dan perenggan yang saling bertaut untuk mewujudkan tautan di antara maklumat lama dengan maklumat yang baru (Halliday dan Hasan, 1976). Selain itu, menurut VanDijk (1977) menyatakan bahawa konsep kohesi ini juga berkait rapat dengan konsep semantik sebuah teks. Hal yang demikian bermakna kohesi ini sepatutnya boleh ditafsirkan oleh pembaca bagi memahami makna yang sebenar (Kanapathy, 2011). Kohesi juga terbahagi kepada dua jenis iaitu kohesi leksikal dan kohesi gramatikal. Kajian ini akan melihat kedua-dua aspek iaitu kohesi gramatikal dan kohesi leksikal.

Koheren

Koheren adalah kesinambungan antara satu ayat dengan ayat yang lain dalam sesebuah wacana agar mudah difahami oleh pembaca (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Selain kohesi, koheren turut penting dalam sesuatu teks bagi memaparkan satu cerita yang mengandungi permulaan dan pengakhiran yang jelas. Dalam kajian ini, pengkaji akan membuat pengamatan terhadap 15 jenis hubungan koheren yang dikemukakan oleh Teori Harimurti Kridalaksana (1978).

Lirik

Mengikuti Kamus Pelajar Edisi Kedua (2016) menyatakan lirik sebagai satu puisi yang melukiskan perasaan dan seni kata dalam sesebuah lagu serta berkait rapat dengan masyarakat. Oleh itu, dalam penghasilan lirik lagu sudah pasti terdapat unsur kohesi dan koheren yang telah digunakan. Lirik dalam kajian ini merujuk kepada 50 buah lagu Perancis.

Bahasa Perancis

Di Eropah, bahasa Perancis merupakan bahasa ketiga yang paling banyak digunakan selepas bahasa Inggeris dan Jerman (*Organisation Internationale de la Francophonie*, 2007). Lebih daripada 25 buah negara menggunakan Bahasa Perancis sebagai bahasa rasmi. Mengikuti sejarah, bahasa Perancis ini berasal dari Empayar Rom berserta dengan bahasa Itali, Sepanyol, Portugis, Romania dan sebagainya.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab pertama ini memberi penjelasan terhadap kajian yang ingin dilaksanakan. Penyataan masalah kajian yang wujud telah dapat menimbulkan persoalan kajian, objektif kajian tentang konsep kohesi dan koheren serta batasan dan kepentingan kajian ini dijelaskan dengan terperinci supaya dapat difahami dengan jelas.

Dalam bab seterusnya, pengkaji akan menyorot kajian-kajian lepas mengenai konsep wacana, kohesi dan koheren serta teori yang telah digunakan oleh pengkaji lepas dalam melakukan kajian mereka.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Mohseni & Sedigheh Samadian. (2019). *Analysis of Cohesion And Coherence in Writing Performance of Iranian Intermediate EFL Learners*. *Issues in Language Teaching*, 8(2), 213-242.
- Aifa Izzati Azman, Normaliza Abd Rahim & Nor Azuwan Yaakob. (2019). *Wacana Kohesi Teks Digital Khutbah Maulud Nabi*. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*, 7(2), 83-97
- Alber & Sri Rahayu. (2017). *Kohesi Teks Syair Dalam Tunjuk Ajar Melayu Karya Tenas Effendy*. *Gerakan Aktif Menulis*, 5(1), 58-65.
- Ali Alsaawi. (2016). *Written Discourse Analysis And Its Application In English Language Teaching*. *Arab World English Journal*, 7(2), 244-254.
- Amir Husairi Sharif. (2006). *Bahasa, muzik dan komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Annisa Elfiana & Muhammad Farkhan. (2019). *Relasi Koherensi Wacana Tulis: Studi Kasus pada Editorial Koran The Jakarta Post*. *Buletin Al-Turas*, 25(2), 191-208.
- Arba'ie Sujud. (1999). *Eстетika Dalam Lirik Lagu-Lagu Nyanyian P.Ramlee*. (Tesis Master). Universiti Putra Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1980). *Analisis Wacana dlm*. Dewan Bahasa, April. Halaman 9-25. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Panduan Wacana Akademik Teori dan Penerapan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basori. (2017). *Kekohefisan Teks Puisi Taufik Ismail*. *Kandai*, 13(2), 157-172.
- Beaugrande, R. & Dressler, W. (1981). *Introduction to Text Linguistics*. London: Longman.
- Benmedjahed, G. S. M. (2018). *The Song: An Enhancing Teaching Approach to French As A Foreign Language (FFL)*. *European Journal of Research and Reflection in Arts and Humanities*, 6(1), 24-30.
- Chunli, R. (2016). *Discussions on the Artistic Features And Singing Styles of The French Art Songs*. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 85, 1079-1084.
- Dalamu, T. O. (2017). *A Discourse Analysis of Language Choice in MTN® and Etisalat® Advertisements in Nigeria*. (Phd Thesis). University of Lagos.
- Dhevi Septi Silvia, Fikri Maulana Syiba & Nur Aida Rohman. (2020). *Analisis Koherensi Pada Novel Guru Aini Karya Andrea Hirata*. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 9(1), 57-66.

- Dinda Amalia & Didin Nuruddin Hidayat. (2020). *Lexical Cohesion in Kid Talks: The Instagram Videos of Mila Stauffer*. *Journal of Islamic and Humanities*, 5(1), 36-48.
- Edaham Ismail, Mohd Sukki Othman, Nik Farhan Mustapha & Muhd Zulkifli Ismail. (2016). *Koheren Dan Kohesi Dalam Kisah Ashab Al-A`Raf*. *Jurnal Kemanusiaan*, 25(1), 22-23.
- Edaham Ismail, Mohd Sukki Othman, Nik Farhan Mustapha & Muhd Zulkifli Ismail. (2017). *Pendekatan Koheren Dan Kohesi Dalam Wacana Naratif Lima Rasul Menurut Surah Al-A`Raf*. *The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 19, 130-162.
- Enas Abdelwahab Eltom RahmtAllah. (2020). *EFL Students' Coherence Skill in Writing: A Case Study of Third Year Students of Bachelors in English Language*. *English Language Teaching*, 13(8), 120-126.
- Endang Rahmawati & Wahyu Oktavia. (2020). *Analisis Wacana Lisan Luar Kelas Di Ruang Tunggu Terminal Tirtonadi Surakarta (Kajian Kohesi Dan Koherensi)*. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 5(1), 39-47.
- Enni Erawati Saragih & Siti Nuraeni Septiani. (2017). *An Analysis of The Cohesion And Coherence Of Students' Descriptive Writing*. *English Journal*, 20(1), 34-45.
- Evy Tri Widyahening & Imroatul Ma'fiah. (2020). *Lagu "Perfect" Oleh Ed Sheeran Dan "Marry You" Oleh Bruno Mars Dalam Perspektif Analisis Wacana*. *Research Fair Unisri*, 4(1), 300-314.
- Fadhil Hamsaeed Ameen. (2018). *Les Facteurs de Cohésion Textuelle Dans La Poésie d'Al-Bayyati*. Tesis Doktor Falsafah. Université Lyon 2.
- Fareed Hameed Hamza Al-Hindawi & Hasan Hadi Mahdi Abu-Krooz. (2017). *Cohesion and Coherence In English and Arabic: A Cross Theoretic Study*. *British Journal of English Linguistics*, 5(3), 1-19.
- Gang, W. & Qiao, L. (2014). *On the Theoretical Framework of the Study of Discourse Cohesion and Coherence*. *Studies in Literature and Language*, 8(2), 32-37.
- Goziyah, Lin Inarotul Uyun & Shella Fabiola. (2020). *Aspek Gramatikal dan Leksikal Pada Lirik Lagu Jangan Rubah Takdirku Karya Andmesh Kamelang*. *Diksa: Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 6(2), 58-64.
- Halliday, M.A.K, & Hasan, R. (1976). *Cohesion In English*. London: Longman Group Limited.
- Halliday, M.A.K & Hasan, R. (1985). *Spoken and Written Language*. Victoria: DeakinUniversity Press.

- Hanif Maulaniam Sholah & Ahmad Yunus. (2020). An Analysis of Lexical and Grammatical Cohesion of Six Feet Apart Song by Alec Benjamin. *Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Islam*, 12(1), 37-61.
- Harimurti Kridalaksana. (1978). Keutuhan Wacana. *Bahasa dan Sastra*. Tahun IV No. 1. 1978. Jakarta: Pusat Pembinaan Dan Pengembangan Bahasa. Hal. 337-343.
- Henry Guntur Tarigan. (1986). *Pengajaran Pragmatik*. Bandung: Angkasa.
- Henry Guntur Tarigan. (1987). *Pengajaran Wacana*. Bandung: Angkasa.
- Hernita Nur Utami, Athanasia Reini T.H. & Sumarlam. (2019). *Ekuivalensi Leksikal pada Artikel Online The Jakarta Post: Suatu Kajian Wacana*. Prosiding Seminar Nasional Linguistik dan Sastra (SEMANTIKS).
- Hidayatul Astar. (2019). *Kohesi Gramatikal Dan Leksikal Dalam Pantun Bangka*. *Sirok Bastra*, 7(1), 33-46.
- Hilman Haidir & T.Silvana Sinar. (2019). *Analisis Wacana Kohesi Dan Koherensi Pada Wacana Iklan Politik Pemilihan Gubernur Sumatera Utara (Pilgubsu 2018)*. *Bahtera: Jurnal Pendidikan, Bahasa, Sastra dan Budaya*, 6(12), 633-642.
- Intan Purnama Sari & Ririn Setyorini. (2018). *Aspek Gramatikal Dan Leksikal Pada Lirik Lagu "Aku Cinta Allah" Group Band Wali*. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 1(2), 129-133.
- Ira Yuniati & Chairunnisa. (2018). *Kohesi Pada Novel Cinta Suci Zahrana Karya Habiburrahman El Shirazy*. *Jurnal Kajian Bahasa, Sastra dan Pengajaran*, 1(2), 182-201.
- Jaya & Hasia Marto. (2019). *Lexical Cohesion In Background Of Research Used In Undergraduate Thesis: A Case Study In Madako University*. *English Language and Literature International Conference (ELLiC)*, 3, 343-348.
- Joesana Tjahjani. (2004). *Homoseksualitas dalam Lagu-lagu Prancis*. *Wacana*, 6(2), 132-145.
- JontraJusat Pangaribuan. (2019). *An Analysis Of Ellipsis On Taylor Swift's Song Lyrics*. *Jurnal Littera*, 1(1), 211-218.
- Kanapathy, K. (2011). *Kohesi dan Koheren Dalam Karangan Pelajar Tingkatan Enam*. (Tesis Master). Universiti Putra Malaysia.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat). (2005). Diakses dari <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Kamus Pelajar (Edisi Kedua). (2016). Diakses dari <http://prpm.dbp.gov.my/>

- Khamimah, Fransiscus Xaverius Samingin & Rangga Asmara. (2018). *Pendekatan Mikrostruktural Dan Makrostruktural Pada Album Lagu "Best Of The Best" Karya Ebiyet G. Ade Sebagai Bahan Ajar di SMA*. Riset Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia, 1(2), 1-15.
- Lyric. Diperoleh Jun 19 2021 dari <https://www.lyrics.com/>
- Masitah Mad Daud, Zulkifley Hamid, Nirwana Sudirman & Nik Zulaiha Zakaria. (2017). *Perenggu Minda Melayu Dalam Lirik Lagu: Satu Analisis Makna*. Journal of Social Sciences and Humanities, Special Issue 2, 175-187.
- Ministry of Europe and Foreign Affairs. (2021). *10 Reasons To Learn French*, March 2021. France: Writer.
- Mohammad Muhassin. (2018). *Cohesive Markers Found In Thesis Abstract*. English Education: Jurnal Tadris Bahasa Inggris, 11(1), 118-132.
- Mohamed Abdou Moindjie. (2019). *The Cohesiveness of Personal Reference in Translation: A Case Study of French and English*. International Journal of Applied Linguistics & English Literature, 8(4), 130-136.
- Moh Kavin Lidinillah & Sri Rahayu Meinawati. (2021). *A Study of Lexical Cohesion In The Lyrics of Demi Lovato's Songs In 'Tell Me You Love Me' Album*. Sphota: jurnal Linguistik dan Sastra, 13(1), 22-32.
- Mona Yousef Al-Zahrani & Abdullah Al-Bargi. (2017). *The Impact of Teacher Questioning On Creating Interaction In EFL: A Discourse Analysis*. English Language Teaching, 10(6), 135-150.
- Muammar Ghadafi Hanafiah. (2019). *Isu Membidaahkan Amalan Masyarakat Melayu: Analisis Wacana Media Massa*. Jurnal Komunikasi, 35(2), 68-86.
- Musixmatch. Diperoleh Julai 5, 2020 dari [Musixmatch - Song Lyrics and Translations](#)
- Nistor Gâz, R. M. (2018). *Coherence Et Cohésion Dans l'Anglais de Spécialité – Une Analyse des Discours Écrits des Étudiants de la Faculté d'Études Européennes*. Synergies Roumanie, 13, 81-94.
- Norhafidah Ibrahim, Norzaliza Ghazali & Nor Asyikin Ibrahim. (2018). *Kritikan Sosial Dalam Lirik Lagu Dikir Barat*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development, 3(9), 15-24.
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor. (2016). *Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea*. Jurnal Kemanusiaan, 25(1), 12-21.
- Novi Eka Purnama Sari & Widyashanti K. Anindita. (2020). *Lexical Cohesion Analysis On Adele's Songs Lyrics In The Album 25*. Urakarta English And Literature Journal, 3(1), 22-28.

- Nur Amirah Che Soh. (2021). *Keutuhan Wacana dalam Infografik Kementerian Kesehatan Malaysia Berhubung Pandemi Covid-19 Menerusi Instagram Berita Harian*. *Jurnal Komunikasi*, 37(2), 83-97.
- Nurfathana Mazhud. (2020). *Kohesi dan Koherensi Ragam Bahasa Percakapan Masyarakat Pendatang di Daerah Pangandaran Kabupaten Ciamis*. *Disastra: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 2(2), 182-191.
- Nurfitriani, Rajab Bahry & Azwardi. (2018). *Analisis Kohesi Dan Koherensi Dalam Proposal Mahasiswa Pbsi Tanggal 23 Desember 2014*. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 12(1), 39-49.
- Nurmasitah Mat Hassan. (2016). *Kohesi Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar di Sebuah Universiti Awam*. (Tesis Master). Universiti Putra Malaysia.
- Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria. (2015). *Kohesi Gramatikal penghubung dalam Karangan Berbahasa Melayu*. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 3, 101-113.
- Nursyaqinah Sakala, Normaliza Abd Rahim & Hazlina Abdul Halim. (2019). *Penggunaan Kohesi Di Dalam Skrip Cerita Pendek Iklan Hari Raya Aidilfitri Di Youtube*. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*, 7(2), 31-42.
- Oktarina Puspita Wardani & Turahmat. (2019). *Aspek Leksikal dan Gramatikal Pada Lirik Lagu "Nyanyian Rindu" Ebiat G. Ade*. *Jurnal Bahasa, Sastra Indonesia, dan Pengajarannya*, 2(2), 286-293.
- Organisation Internationale de la Francophonie. (2007). *La Francophonie dans le monde 2006–2007*. Paris, France: Author.
- Paroles2chanson. Diperoleh Julai 5, 2020 dari <https://paroles2chansons.lemonde.fr/>
- Putu Sandra Putri Astariani. (2020). *The Analysis of Cohesive Devices Found in Good-Bye*. *Udayana Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(1), 41-46.
- Radiman Junaidi. (2012). *Analisis Wacana Terhadap Ucapan Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah). Universiti Putra Malaysia.
- Rini Agustina. (2016). *Aspek Leksikal Dan Gramatikal Pada Lirik Lagu Jika Karya Melly Goeslow*. *Bahastra*, 36(1), 97-106.
- Riska Fita Lestari. (2019). *Kohesi Dan Koherensi Paragraf Dalam Karangan Narasi Mahasiswa Teknik Angkatan 2017 Universitas PGRI Banyuwangi*. *Jurnal Kredo*, 3(1), 73-82.
- Roshidah Hassan. (1997). *Analisis kontrastif kata ganti nama diri bahasa Melayu dan bahasa Perancis*. (Tesis Master). Universiti Malaya.

- Rusdiyana Ulfa, Syukur Ghazali & Anang Santoso. (2020). *Sarana Kohesi Dalam Kumpulan Puisi Cinta Karya Kahlil Gibran "Melancholic Gibran Karya-Karya Syahdu Penggugah Jiwa"*. Jurnal Pendidikan: Teori, Penelitian dan Pengembangan, 5(5), 637-645.
- Shahnon Ahmad. (1991). *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sindi Dinda Andani, I Ketut Darma Laksana & Ni Putu Evi W.Citrawati. (2021). *Analysis of the Elements of Coherence and Cohesion in the Music Album "Manusia Setengah Dewa" by Iwan Fals*. American Journal of Humanities and Social Sciences Research, 5(7), 08-10.
- Siti Asma Ahmad, Hazlina Abdul Halim & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2018). *Unsur Pengulangan Dalam Lirik Lagu Dikir Barat*. Jurnal Linguistik, 22(2), 1-9.
- Sitti Mariati S. (2018). *Analisis Aspek Gramatikal Dan Aspek Leksikal Puisi "Papua" Karya Frans P. Pandoni*. Kibas Cenderawasih, 15(2), 201-216.
- Siti Sopiayahwati, Sahrul Bachruddin & Goziyah. (2021). *Koherensi dalam Novel Bumi Cinta Karya Habiburrahman El-Shirazy*. Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, 3(1), 1-10.
- Syahreni Siregar. (2019). *Analisis Kohesi Dan Koherensi Wacana Bahasa Inggris*. Jurnal Dewantara, 7(1), 39-55.
- Syarif Budhirianto, Noneng Sumiaty & Syaidah. (2018). *Analisis Wacana Media Terhadap Kebijakan Dan Citra Pemerintah Di Surat Kabar Daerah Pada Tahun 2017*. Jurnal Pikom, 19(2), 101-114.
- Tashakkori, A. & Creswell, JW. (2007). *Editorial: The New Era of Mixed Methods*. Journal of Mixed Methods Research, 1(1), 3-7.
- Thougan Saleem Masadeh. (2019). *Cohesion and Coherence in the Writings of Saudi Undergraduates Majoring in English*. Journal of Social Science and Humanities, 5(3), 200-208.
- VanDijk, T. A. (1977). *Text and Context: Explorations in the Semantics and Pragmatics of Discourse*. London: Longman.
- Veda Aslim Yetiş. (2017). *The Role of Composing Process And Coherence/Cohesion In FFL Writing*. Journal of Language and Linguistic Studies, 13(1), 336-351.
- Vivi Yulia Pratiwi, Yeni Dwi Jayanti & Isry Laila Syathroh. (2019). *An Analysis Of Lexical Cohesion Found In "Never Say Never" Song Lyrics*. Professional Journal Of English Education, 2(3), 376-383.
- Wang, J. (2019). *La Chanson Française en Classe de Français Langue Étrangère en Chine Comme Vecteur D'apprentissage de la Langue*. Synergies France, 151-167.

- Widdowson, H. G. (1978). *Teaching Language as Communication*. Oxford: Oxford University Press.
- Widdowson, H. G. (2007). *Discourse analysis*. London: Oxford University Press.
- Wikborg, E. (1990). *Types Of Coherence Breaks In Swedish Student Writing: Misleading Paragraph Division*. In Conon, U. & Johns, A. *Coherence In Writing: Research And Pedagogical Perspectives*, (pp. 131-150). USA: Teachers of English to Speakers of Second Language.
- Wikipedia. Diperoleh Julai 5, 2020 dari https://fr.wikipedia.org/wiki/Liste_des_singles_num%C3%A9ro_un_en_France
- Yayat Sudaryat. (2008). *Makna Dalam Wacana*. Bandung: Yrama Widya.
- Yusep Ahmadi F & Reka Yuda Mahardika. (2016). *Analisis Wacana Kohesi Dan Koherensi Pada Wacana Iklan Politik Dalam Wacana Pemilu 2014*. *Jurnal Ilmiah UPT P2M STKIP Siliwangi*, 3(1), 19-24.
- Zhou, W. & Wang, W. (2019). *A Contrastive Analysis Between French and Chinese Substitution Types Within the Framework of Functional Systemic Grammar*. *Higher Education of Social Science*, 16(1), 22-25.